ngan, Lim Guan Eng, menegaskan aspek nyawa perlu menjadi inti pati utama dalam usaha menangani jangkitan coronavirus, berbanding impak penyakit itu terhadap ekonomi negara.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2020 Parlimen Bukit Bendera di Georgetown, Pulau Pinang, semalam, beliau berkata, pada masa ini, nyawa, keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia menjadi agenda utama dan langkah perlu difokuskan untuk mengatasi permasalahan coronavirus.

"Tentu ada impaknya kepada ekonomi, tetapi biarlah kita mengatasi dahulu dan selepas itu Kementerian Kewangan akan bincangkan impaknya terhadap ekonomi," katanya.

Agrobank eyes RM1bil loan growth for FY20

KUALA LUMPUR: Agrobank, formerly known as Bank Pertanian Malaysia Bhd, is eyeing a minimum of a RM1bil loan growth for the financial year ending Dec 31, 2020 (FY20) over last year's RM11.75bil loan disbursement.

Khadijah Iskandar, the covering president and chief executive officer of the government-owned agricultural development bank, said for the past five years, the bank had been growing by an average of close to 10%, although the banking sector was growing by only 3% to 4%.

"The bank would continue to focus on strengthening its value chain financing to support various activities related to agriculture from upstream, mainstream as well as downstream.

"As a bank which understands the needs of

the country's agricultural sector, we are also committed to empowering the Bottom 40 (B40) target group via our structured micro-financing based on the 3A objectives of accessibility, availability and affordability.

"At present, Agrobank has over 11 micro-financing programmes nationwide covering paddy cultivation, chilli fertiliser, oil palm, dairy cows, pineapple and swiftlet farming, among others," she told *Bernama* on the sidelines of a partnership signing ceremony with Petroliam Nasional Bhd (Petronas).

Under the partnership, Petronas is allocating RM100mil to be managed by Agrobank for the financing of B40 micro-entrepreneurs in the agricultural and agro-based sectors.

This collaboration, she said, would further expand Agrobank's reach to enhance financial access to agro-based communities.

Khadijah noted that the bank's journey to embed principles of value-based intermediation (VBI) into its business was in line, and also shared similarities, with the government's Shared Prosperity Vision to empower the B40 economy and elevate their social status in Malaysia.

Meanwhile, chief business officer Ahmad Shahril Mohd Shariff said the bank's non-performing loan ratio remained manageable at 4.3%, much better than the double-digit figures five to 10 years ago.

"As a development bank, we would continue to target loan growth, but at the same time, emphasise on the quality of assets," he said.

He said 85% of its funds were from depositors, with the balance from government funding. — *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

PETRONAS, Agrobank sedia pembiayaan mikro RM100 juta



KUALA LUMPUR: PETRONAS dan Agrobank menjalin kerjasama strategik bagi menawarkan pembiayaan mikro berjumlah RM100 juta kepada usahawan pertanian dan asas tani dalam kalangan B40.

Pembiayaan peruntukan oleh PETRONAS itu akan disalurkan dalam tempoh lima tahun menerusi program kemudahan pembiayaan mikro B40 Agrobank.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata inisiatif itu sejajar dengan hasrat PETRONAS menjadi rakan kongsi penyelesaian dan tenaga yang progresif menyokong matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

berkaitan kerja-kerja yang baik dan pertumbuhan ekonomi.

"Memandangkan sektor pertanian dan industri asas tani adalah pemangkin penting dalam pembangunan negara, kerajaan menumpukan kepada pembangunan mampan bagi mengukuhkan kapasiti dan kemahiran komuniti terutamanya kumpulan B40.

"PETRONAS yakin melalui inisiatif ini, usaha memperkasakan B40 dalam sektor pertanian mampu melahirkan usahawan mahir yang komprehensif dan secara tidak langsung memacu pertumbuhan sumber manusia, inovasi teknologi dan produktiviti pertanian negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik PETRONAS dan Agrobank di sini, hari ini.

Majlis menandatangani itu disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata pembiayaan akan diberikan sehingga 100 peratus daripada keseluruhan kos operasi pada kadar faedah terendah bank itu sebanyak dua peratus setahun.

"Kerjasama ini akan memperluaskan lagi capaian Agrobank untuk meningkatkan akses kewangan kepada komuniti asas tani dengan pelbagai kepakaran," katanya.

29/1/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Empat nelayan Thailand ditahan

Langkawi: Empat nelayan Thailand yang menggunakan bot pukut tunda kelas C ditahan kerana menangkap ikan di kawasan kurang 15 batu nautika dari pantai.

Mereka berusia antara 30 hingga 60 tahun ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di 9.8 batu nautika dari barat Pulau Langkawi jam 12.15 tengah hari, Ahad lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Kedah dan Perlis, Zulinda Ramly berkata, anggotanya mengesan nelayan berkenaan yang didapati melanggar syarat sah lesen.

"Kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana menarik pukut kurang 15 batu nautika dari pantai.

"Turut ditemui di dalam bot, 200 kilogram (kg) hasil tangkapan ikan bercampur yang kemudian dirampas.

"Tahanan dan rampasan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia, Bukit Malut untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.



Sebahagian 200kg ikan yang dirampas di perairan Langkawi.

APMM rampas lima bubu naga

Kota Tinggi: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Tanjung Sedeli merampas lima bubu naga yang dipasang di perairan Rapid Pengerang yang diwartakan sebagai kawasan larangan menangkap ikan, semalam.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedeli, Mohd Zulfadli Nayan berkata, bertindak atas maklumat awam, sebuah bot peronda digerakkan ke lokasi dilaporkan di kedudukan 0.7 batu nautika barat daya Tanjung Ayam, kira-kira jam 11.30 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan pihaknya menemui lima bubu naga di kawasan berkenaan dan merampasnya.

"Ini rampasan ketiga membabitkan bubu naga sepanjang Januari ini," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penggunaan bubu naga atau sebarang salah laku aktiviti laut boleh berhubung terus di talian 07-8916591 atau 999 untuk membuat aduan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	MY METRO	ONLINE	

Rampas bubu naga di kawasan larangan



Anggota APMM memeriksa bubu naga yang dirampas di perairan RAPID Pengerang, Kota Tinggi hari ini.

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Tanjung Sedeli merampas lima bubu naga dipasang di perairan RAPID Pengerang, Kota Tinggi yang diwartakan sebagai kawasan larangan menangkap ikan hari ini.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedeli Kepten (Maritim) Mohd Zulfadli Nayan berkata, sebuah bot peronda digerakkan ke lokasi dilaporkan di kedudukan 0.7 batu nautika barat daya Tanjung Ayam pada 11.30 pagi selepas menerima maklumat awam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan pihaknya menemui lima bubu naga di kawasan berkenaan dan merampasnya.

"Ini adalah rampasan ketiga membabitkan bubu naga sepanjang Januari ini.

"Kesalahan menggunakan bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 kerana menceroboh," katanya melalui kenyataan kepada media.

Menurut Mohd Zulfadli, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Penggunaan bubu naga merosakkan ekosistem perikanan dan secara tidak langsung menjejaskan pendapatan nelayan pesisir.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penggunaan bubu naga atau sebarang salah laku aktiviti laut boleh berhubung terus di talian 07-8916591 atau 999 untuk membuat aduan," katanya.

29/1/2020

SINAR
HARIAN

NEGERI

30

PPA Perlok bakal jadi pusat pembenihan terbesar ikan patin buah

JERANTUT - Pusat Perkebangan Akuakultur (PPA) Perlok bakal menjadi pusat pembenihan induk dan pembenihan ikan patin buah terbesar di negara ini.

Usaha itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk meningkatkan hasil pengeluaran spesies ikan itu dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pihaknya menyasarkan peningkatan daripada 500 tan kepada lebih 1,000 tan setahun.

"Kita menggunakan sistem kolam kerana lebih baik untuk menternak ikan dalam jumlah yang banyak berbanding sangkar selain teknologi baharu bagi memastikan pembenihan dan ternakan lebih berjaya.

"Program ini turut mendapat sokongan daripada pengkaji Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ada penemuan terkini berkaitan teknologi akuakultur. Ia dapat diaplikasikan kepada

penternak di Pusat Perkebangan Akuakultur Perlok," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Sesi Libat Urus bersama Penternak Daerah Jerantut di PPA Perlok.

Hadir sama, Pengarah Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman, wakil Jabatan Sains Marin UIAM dan 20 penternak ikan air tawar sekitar Jerantut.

Munir juga berharap golongan muda dapat menyertai bidang tersebut bagi membantu meningkatkan pengeluaran ikan patin buah.

"Buat masa ini, di sini mempunyai seramai 20 penternak tetapi lebih ramai diperlukan kerana mereka boleh diletakkan dalam kelompok tertentu termasuk menjaga anak ikan dan ada yang menternak secara besar-besaran," katanya.

Sementara itu, mengulas rungutan nelayan sungai yang mendakwa kehadiran ikan



Munir (dua dari kanan) dan Azahari (kanan) melihat demonstrasi pembenihan ikan kelah di PPA Perlok semalam.

bukan spesies tempatan yang membiak di perairan negara, beliau menegaskan pihaknya sentiasa melakukan pemantauan terhadap situasi tersebut supaya ia tidak menjejaskan ekosistem sedia ada.

"Orang ramai perlu diberi kesedaran supaya tidak

melepaskan ikan luar ke sungai atau kolam bagi membendung masalah ini. "Jika tidak dikawal situasi ini boleh mengakibatkan ikan spesies tempatan yang bernilai tinggi pupus dengan cepat," katanya.

Menurutnya, beberapa

langkah diambil dengan mengenal pasti lokasi terlibat serta mengkaji langkah sesuai selain meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu tersebut.

Antara spesies ikan bukan spesies tempatan yang dikesan ialah baung ekor merah.

MINISTRY ORDERS CHECKS ON CHINA FOOD PRODUCTS

KUALA LUMPUR: Minister of Agriculture and Agro-based Industry Datuk Seri Salahuddin Ayub has directed the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) to conduct strict checks on imported food products from China at all entry points nationwide. Salahuddin said although Malaysia does not import any food products from Wuhan, China, associated with the outbreak of the novel coronavirus, and there is no evidence indicating the spread of the epidemic through food, security controls and inspections are to be carried out as a precautionary measure. "I was informed that the infection does not involve food but I have directed Maqis to conduct checks at all entry points. "They can carry out random checks on specific products such as meat and fruits." Salahuddin said the ministry will continue monitoring the situation. – Bernama

Import produk makanan dipantau

Kementerian ambil langkah berjaga-jaga, periksa setiap barang masuk dalam negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan agensinya memantau import produk makanan di pintu masuk negara bagi membendung penularan coronavirus 2019-nCoV.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata walaupun

tiada fakta yang menyatakan penularan virus itu melalui makanan, pihaknya akan sentiasa berjaga-jaga dan memeriksa setiap produk yang diimport ke negara ini.

Katanya, setakat ini tiada sebarang import membabitkan produk dari wilayah Wuhan dan Hubei yang terjejas akibat virus terbit, dibawa masuk ke negara ini.

"Saya dimaklum, setakat ini vi-

rus terbit berjangkit melalui manusia dan bukan melalui bahan makanan, namun saya sudah mengarahkan agensi berkaitan melakukan pemeriksaan terhadap produk makanan di setiap pintu masuk negara.

"Walaupun tidak ada fakta mengatakan virus ini tersebar melalui makanan, apa yang kita lakukan adalah sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik PETRONAS dan Agrobank di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mo-

Walaupun tidak ada fakta mengatakan virus ini tersebar melalui makanan, apa yang kita lakukan adalah sebagai langkah berjaga-jaga.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

hamed Azmin Ali, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin serta Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar.

Salahuddin berkata, setakat ini tiada sebarang import membabitkan produk dari wilayah Wuhan dan Hubei yang terjejas akibat virus terbit, dibawa masuk ke negara ini.

"Penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJS) akan sentiasa berwaspada dan melakukan pemeriksaan ke atas setiap produk yang dibawa masuk negara ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

MADA henti salur air jika paras air terus menurun



ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan menghentikan bekalan air untuk pertanian sekiranya paras air di Empangan Pedu menurun ke paras 27 peratus.

Pengurusnya, Datuk Fouzi Ali, berkata hari ini paras air Empangan Pedu berada pada tahap 41.83 peratus, manakala Empangan Ahning pada tahap 59.55 peratus dan Empangan Muda hanya tinggal 9.56 peratus sahaja.

Katanya, ketika ini MADA masih boleh melakukan pelepasan air harian sebanyak 99 meter padu sesaat bagi menampung keperluan penanaman padi dan keperluan bekalan domestik.

"Peratusan air di tiga empangan utama ini terus menurun setiap hari, namun keadaan masih terkawal.

"Pada 6 Januari lalu, jumlah peratusan air di Empangan Muda adalah 26.72 peratus, Empangan Ahning (64.47 peratus) dan

Empangan Pedu (50.18 peratus)," katanya ketika dihubungi hari ini.

Berikutan itu, Fouzi meminta semua pesawah dapat mengoptimumkan penggunaan air dan tidak melakukan pembaziran air di sawah.

"Kawasan sawah yang tinggi perlu dipam dan pihak MADA akan berusaha memastikan paras air di sungai serta tali air berada pada paras sesuai untuk pengairan," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Syarikat Air Darul Aman (SADA), Ahmad Hakimi Abu Bakar, berkata pihaknya kini dalam keadaan berjaga-jaga, walaupun bekalan air masih boleh disalurkan untuk pengguna domestik.

Katanya, beberapa kawasan terutama di penghujung saluran sudah mula terjejas seperti di Kuala Kedah, Tunjang dan Merbok

"Loji kita masih menyalurkan air kepada penduduk, cuma loji di Merbok dijangka terjejas berikutan pengurangan sumber air mentah di kawasan tadahan Gunung Jerai akibat musim kemarau.

"Selain itu, jumlah penggunaan air yang semakin meningkat pada musim panas juga menjadi antara faktor kawasan penghujung bekalan tidak menerima air," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, sudah terdapat beberapa kawasan perumahan di Alor Setar mengalami gangguan terutama selepas waktu bekerja dan orang ramai diminta menggunakan air secara berhemah bagi mengelak catuan bekalan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Jerami gulung dah hangus



Keadaan jerami gulung yang dilaporkan terbakar.

YAN – Lokasi terkenal dengan jerami gulung yang selama ini menjadi tumpuan orang ramai untuk merakamkan gambar kenangan berlatarbelakangkan bendang padi, dilaporkan terbakar dalam kejadian di Kampung Ulu Sedaka, petang tadi.

Kawasan berkenaan yang direka untuk menunjukkan suasana selepas aktiviti menuai padi menjadi tarikan setiap kali jerami dikumpul dan digulung untuk dijual bagi mengelakkan pembakaran jerami secara terbuka.



Gulungan jerami yang menjadi tarikan orang ramai di Kampung Ulu Sedaka, Yan.

Sejak beberapa minggu lalu, kawasan berkenaan dikunjungi orang ramai dari luar dan dalam daerah tersebut bagi merakamkan momen indah berlatarbelakangkan jerami gulung. Bagaimanapun, lokasi itu yang merupakan inisiatif Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dilaporkan terbakar kira-kira jam 2.40 petang tadi menyebabkan gulungan jerami hangus sehingga tular di media sosial.

Sumber Mada memaklumkan, pihaknya ada menerima laporan berkaitan kes berkenaan, bagaimanapun tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan sehingga siasatan mengenainya selesai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	20



MINHAT (kanan) menunjukkan permukaan sawah yang merekah, akibat kemarau di Kampung Sawah Ring, Tangkak.

Sawah merekah

Tangkak: Seramai 238 penanam padi di Kampung Sawah Ring di sini, bimbang dengan ancaman kemarau yang melanda sejak beberapa minggu lalu.

Mereka mendakwa ancaman kemarau itu dikhuatiri mengakibatkan bencana 'padi angin' menambahkan lagi kerugian hasil tanaman mereka.

Pengerusi Ladang Kelompok Sawah, Kampung Sawah Ring, Minhat Saidon berkata, sawah padi mulai kering dan merekah akibat kekurangan air, sekali gus tidak dapat memulakan penyemaian benih padi.

Katanya, petani memerlukan air yang mencukupi selama 100 hari atau tiga bulan hingga musim menuai.

"Akibat air tidak mencukupi, anak padi akan layu dan fenomena kemarau dijangka sehingga April nanti turut disertai angin kencang menyebabkan padi mudah tanggal dari tangkai menambahkan kerugian petani," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, ada dalam kalangan petani mula menggunakan pam bagi mendapatkan air dari parit berhampiran, tetapi tidak mencukupi.

"Kawasan sawah seluas 270 hektar dahulunya mendapat sumber air tadahan terbuka yang dibina namun kesan penanaman kelapa sawit berhampiran menyebabkan sumber air itu menjadi kering dalam tempoh singkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Ke arah tahap keberdikarian bekalan makanan negara



ULASAN | Menurut laporan buletin suku tahunan terkini (Suku Ketiga, 2019) oleh Bank Negara Malaysia, "Import Makanan dan Kadar Pertukaran", Malaysia kekal sebagai pengimport makanan dengan sekurang-kurangnya seperempat daripada jumlah keseluruhan bekalan makanan (24 peratus) diimport. Ini bermakna Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap keberdikarian (*self-sufficiency*) dalam bekalan makanan.

Jumlah import makanan pada 2018 bernilai RM54 bilion berbanding 2013 yang berjumlah RM43 bilion, mencerminkan peningkatan kadar pertumbuhan kompaun tahunan sebanyak lima peratus sepanjang lima tahun.

Sementara itu, eksport makanan dan minuman pada 2018 juga meningkat dengan pantas (purata 6 peratus), berjumlah RM35 bilion berbanding dengan RM26 bilion pada tahun 2013. Namun, nilai import melebihi nilai eksport.

Laporan tersebut juga menekankan secara keseluruhan, Malaysia mempunyai tahap keberdikarian yang mencukupi terhadap permintaan domestik dalam pelbagai barangan makanan asas.



Daripada 33 produk pertanian yang paling lazim digunakan (terung, timun, bayam dan telur), separuh dari jumlah makanan ini mempunyai nisbah pencapaian keberdikarian (*self-sufficiency ratio*, SSR) lebih daripada 100 peratus, dengan timun (118 peratus), terung (116 peratus), bayam (116 peratus), telur (116 peratus), kacang panjang (111 peratus), bendi (107 peratus), nanas (106 peratus), sotong (105 peratus), pisang (103 peratus) dan udang (103 peratus).

SSR untuk daging, ayam dan tuna pula berjumlah 98 peratus – dua produk import makanan terendah, diikuti dengan ketam (93 peratus), ikan kembung (83 peratus), kelapa (78 peratus), beras (70 peratus), kubis (42 peratus), cili (39 peratus), daging lembu

(25 peratus), mangga (25 peratus) dan daging kambing (11 peratus).

Seperti yang dinyatakan di atas, ramai rakyat Malaysia yang memakan banyak produk makanan tertentu (seperti cili, daging merah, mangga). Oleh itu, apakah sebab di sebalik corak kebergantungan ini?

Realitinya adalah majoriti rakyat Malaysia lebih cenderung untuk berbelanja produk import berbanding produk tempatan, seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

Ketidakcekapan pengurusan pengeluaran hasil pertanian

Dalam hal ini, kadar import yang tinggi menunjukkan bahawa wujud permintaan produk makanan yang tinggi dalam negara yang pasaran tempatan tidak mampu untuk memenuhi kadar permintaan tersebut.

Secara teorinya, permintaan yang tinggi untuk sesuatu produk akan mendorong pengeluaran atau bekalan yang lebih tinggi. Namun, apabila berlaku peningkatan dalam permintaan produk tempatan, mengapa ia mengambil masa yang begitu lama untuk bekalan produk itu bertambah?

Boleh dikatakan ia disebabkan oleh ketidakcekapan dalam pengurusan pengeluaran hasil pertanian, termasuk rangkaian pengedaran dan keseluruhan rantaian bekalan, serta kebergantungan yang obsesif terhadap lokasi tanah penanaman tertentu seperti di Cameron Highlands yang kini membekalkan 10 peratus daripada jumlah sayur-sayuran di semenanjung.



Antara faktor-faktor dalam pengeluaran pertanian selain daripada bahan mentah, buruh, utiliti dan logistik adalah lapisan-lapisan yang melibatkan pengeluar, pemborong, peruncit dan pengguna, yang semuanya mempengaruhi kos dan harga akhir sesebuah produk makanan tersebut.

Di samping itu, kekurangan skala ekonomi dalam proses pengeluaran dan kerumitan dalam rantai bekalan domestik telah menghalang tercapainya kadar keberdikarian negara dalam bekalan makanan.

Skala ekonomi dapat dicapai apabila lebih banyak unit sesuatu produk boleh dihasilkan dengan kos input yang semakin berkurangan. Sekiranya skala ekonomi gagal dicapai, hasilnya ialah firma-firma akan memasukkan kos pengeluaran yang tinggi itu ke dalam harga akhir produk mereka.

Oleh kerana kos pengeluaran produk tempatan melibatkan kos yang tinggi, pendekatan yang lebih praktikal adalah mengimport dengan jauh lebih murah barangan makanan dari luar negara.

Berdasarkan tinjauan oleh Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) pada awal tahun ini, 85 peratus pengilang Malaysia dilaporkan mengalami kenaikan kos pengeluaran sebanyak 10 peratus akibat cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dikenakan ke atas bahan mentah, komponen dan perkhidmatan.

Ini bermakna untuk produk makanan dan minuman yang mempunyai kandungan pengeluaran domestik yang agak tinggi, langkah fiskal seperti SST boleh menaikkan kos.

Justeru itu, untuk meningkatkan keberdikarian negara dalam bekalan makanan, mungkin para pengilang dapat diberi pengecualian cukai atau dikenakan tarif yang rendah untuk bahan mentah dan separuh mentah yang diimport bagi tujuan pengeluaran makanan tempatan.

Reformasi cukai tanah

Terdapat juga keperluan dalam memberi tumpuan kepada dasar memastikan lebih banyak tanah untuk pengeluaran makanan melalui reformasi cukai tanah dan skim pengagihan tanah seperti yang dilakukan oleh FELDA. Namun, fokusnya adalah untuk mempromosikan keberdikarian negara dalam bekalan makanan, dan bukan untuk mengeksport tanaman komoditi tempatan untuk pertukaran asing.

Antara langkah-langkah lain dalam meningkatkan tahap keberdikarian adalah :

- Tanah yang ditukarkan penggunaannya untuk tujuan pertanian hendaklah tertakluk kepada bayaran premium yang lebih rendah kepada kerajaan negeri. Akta Pengambilan Tanah 1960 hendaklah digunakan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian;
- Amat penting juga ialah proses digitalisasi pertanian yang membolehkan daya penghasilan (*productivity*) yang lebih tinggi, hasil dan kualiti pengeluaran makanan yang lebih tinggi, dan mengenalpasti tapak yang sesuai atau yang diperuntukkan untuk pertanian; dan
- Pelaksanaan teknologi pintar melalui AgTech (teknologi pertanian) yang akan merevolusikan pertanian. Pelaksanaan teknologi ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk pertanian pintar di Malaysia apabila penggunaan internet untuk segalanya (*Internet-of-things, IoT*) telah digunakan dalam penanaman padi.

Bahkan juga, lebih banyak lagi yang dapat dilakukan untuk memperluaskan penggunaan teknologi pintar dalam bidang lain seperti penanaman cili, bawang merah dan daging ternakan.

Inovasi seperti pertanian terperinci (*precision farming*) juga akan memberi kesan terhadap pengurangan beban kerja manual petani apabila digitalisasi dan teknologi pintar akan mengambil alih peranan mereka. Contohnya, dron telahpun digunakan untuk tujuan penyemburan di sawah padi. Selain itu, IoT boleh digunakan untuk mengukur dan menyediakan data sebenar terkini bagi petani dalam menentukan tahap pengairan dan baja mereka.

Bercakap mengenai pertanian dari segi konvensional, kita tidak boleh mengabaikan *vertical farming* yang sememangnya harus digalakkan di kawasan bandar. Ini boleh diaplikasikan dengan mengubah bangunan-bangunan lama dan baharu kepada kawasan pengeluaran bekalan makanan. Umpamanya, tingkat tertentu di bangunan-bangunan tinggi juga perlu diperuntukkan untuk pertanian sayur-sayuran.

Di negara jiran kita, Singapura, pertanian langit (*sky farming*) sudah diterapkan untuk memenuhi keperluan makanan negara mereka dan memastikan sekuriti makanan. Budaya perladangan mereka juga bergantung kepada *hydroponics* dan *aeroponics*.



berkala menggunakan alat rias yang direka khas.

Secara dasarnya, *hydroponics* menggunakan kaedah pertanian yang berasaskan air dan nutrien pekat yang tidak memerlukan penggunaan tanah. Ia menggunakan bahan-bahan bukan organik seperti *perlite*, *rockwool*, pelet tanah, lumut gambut atau *vermiculite*.

Sementara itu, *aeroponics* pula menggunakan proses tumbuh-tumbuhan diletakkan di dalam persekitaran udara yang sejuk dan berkabus. Ia mempunyai konsep yang sama seperti sistem *hydroponics*, namun *aeroponics* membiarkan akar tumbuh-tumbuhan tersebut di udara.

Malah, tumbuh - tumbuhan tersebut akan disiram secara

Kedua-dua kaedah inovasi ini mampu memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah kekurangan tanah dalam pertanian.

Sementara itu, sebagai respons terhadap dasar-dasar import masa kini, Mahathir juga turut menyatakan bahawa beliau akan menyemak semula dasar yang sedia ada yang dilihat menggalakkan import daripada eksport, di mana beliau akan melaksanakan penstrukturan baru berkaitan dengan sistem cukai.

Sebagai rumusan, faktor-faktor langkah fiskal, reformasi tanah, teknologi pintar dan *vertical farming*, akan dapat membantu Malaysia dalam menangani isu kebergantungan negara terhadap makanan import.

JAMARI MOHTAR dan ALISSA AZIZI adalah sebahagian daripada pasukan penyelidik dari EMIR Research, sebuah organisasi pemikir bebas yang berfokuskan kepada pencernaan saranan-saranan dasar strategik berteraskan penyelidikan yang terperinci, konsisten dan menyeluruh.